

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Welcome Centre
Sent: Monday, October 1, 2018 4:26 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: SENYUM SERLAH KEPERIBADIAN DIRI EXCO KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG



01 OKTOBER 2018 / 21 MUHARAM 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SENYUM SERLAH KEPERIBADIAN DIRI EXCO KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG



ANJUNG TAMU ONLINE: Senyuman adalah kebajikan dan kebaikan yang paling mudah untuk dilakukan sekaligus menggambarkan kebersihan, keperibadian Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Kesihatan serta ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Justeru, terdapat satu bentuk sedekah yang dimulakan iaitu memberi senyuman yang juga diamalkan ketika menyambut Dr. Afif setibanya beliau di UUM Welcome Centre bersama Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir (IPDM), Dr. Haji Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri.

Menerusi Discover UUM, ternyata beliau ingin tahu lebih lanjut mengenai sejarah kampus yang kini membangun pesat serta mencipta nama di persada dunia.

Selain gambar di Rumah Tengah Welcome Centre menerjemahkan dengan sendirinya paparan sejarah kampus yang berusia 34 tahun, suasana persekitaran mampu mententeramkan hati setiap tetamu.

“Suatu inisiatif yang baik dan patut dicontohi oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) lain di seluruh negara,” ujarnya.

Senada itu, beliau yang tidak lokek dengan senyuman memberi kesedaran bahawa senyuman dapat memberi kebahagiaan kepada orang sekeliling, secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim, membentuk satu ummah yang mementingkan adab dan kemesraan tanpa mengira warna kulit dan bangsa.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.